

# Pelajar tingkatan tiga rogol ibu mabuk

**KUALA LUMPUR** – Seorang pelajar lelaki tingkatan tiga sebuah sekolah menengah di sini bertindak luar batasan apabila merogol ibunya di sebuah rumah dekat Taman OUG di sini semalam.

Timbalan Ketua Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Khairi Ahrasa berkata, dalam kejadian pukul 2 pagi itu, ibu pelajar tersebut yang bekerja sebagai pelayan di sebuah pusat hiburan berusia 44 tahun baru pulang dari kerja dan dikatakan dalam keadaan mabuk.

“Wanita itu dalam keadaan tidak sedar telah memasuki bilik yang salah iaitu bilik anak lelakinya. Lebih kurang dua atau tiga jam kemudian, wanita itu sedar dan lihat anak lelakinya dalam keadaan bogel

berada di atas tubuhnya,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, wanita tersebut kemudian bertindak memukul anak lelakinya sebelum keluar dan membuat laporan polis.

“Ibu pelajar tersebut memaklumkan kejadian kepada jiran yang kemudiannya menasihatkan wanita itu membuat laporan polis,” katanya.

Difahamkan, pelajar tersebut sedang melihat bahan lucah dalam telefon bimbit sebelum secara kebetulan didatangi ibunya yang sedang dalam keadaan mabuk.

Pelajar itu kini ditahan reman bagi membantu siasatan di bawah seksyen 376(3) Kanun keseksaan iaitu melakukan sumbang mahram.

Status perkahwinan wanita itu masih dalam siasatan.

Kasno m/s 7 21/8/2014